

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 21.05.2026 MASA: 4.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH SEKOLAH HIJAU  
2026 PERINGKAT SEBERANG PERAI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**22 MEI 2026 (JUMAAT)  
9.40 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Puan Azlifah Binti Abdul Aziz**

Head Of Human Relation

Aumovio Components Malaysia Sdn Bhd.

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Program

**Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik**

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang  
dihormati sekalian**

.....

***Bismillahir Rahmanir Rahim***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,***

**Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,**

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2026 Peringkat Seberang Perai** pada pagi yang penuh bermakna ini.
2. Saya bagi pihak seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Aumovio dan Penang Green Council atas jalinan kolaborasi strategik bersama MBSP dalam menjayakan program ini. Tajaan penuh hadiah oleh pihak Aumovio berjumlah RM29,400.00 membuktikan komitmen sektor korporat dalam menyokong agenda kelestarian alam sekitar dan pembangunan generasi hijau masa hadapan.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini; khususnya pihak sekolah yang terlibat, para guru dan pelajar, warga kerja MBSP serta semua hadirin yang hadir bagi memeriahkan majlis pada pagi ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Alam sekitar bukan lagi sekadar isu masa hadapan; ia adalah realiti yang sedang kita hadapi pada hari ini. Perubahan iklim, peningkatan suhu dunia, pencemaran plastik, pembaziran sumber serta krisis pengurusan sisa merupakan cabaran global yang menuntut tindakan segera dan kolektif daripada semua pihak.
5. Dalam mendepani cabaran tersebut, pendidikan merupakan asas paling kukuh untuk membentuk perubahan. Sekolah bukan sahaja tempat melahirkan pelajar cemerlang akademik, tetapi juga medan terbaik untuk membentuk generasi yang berdisiplin, bertanggungjawab dan mempunyai jiwa cinta akan alam sekitar.
6. Sebab itulah MBSP amat komited meneruskan pelaksanaan Program Anugerah Sekolah Hijau yang kini memasuki tahun ke-10 penganjurannya. Sepanjang sedekad pelaksanaan program ini, kita telah menyaksikan penglibatan aktif sekolah-sekolah di Seberang Perai dalam memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar. Bagi tahun 2026, MBSP menyasarkan penyertaan sebanyak 100 buah sekolah rendah dan menengah melalui pendekatan program yang lebih tersusun, berkualiti dan berimpak tinggi menerusi pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang yang baharu.
7. Ini membuktikan bahawa kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar semakin subur dalam kalangan warga pendidik dan para pelajar. Saya percaya, apabila budaya hijau dipupuk sejak di bangku sekolah, maka

kita sebenarnya sedang membina masa depan negara yang lebih lestari, lebih bertanggungjawab dan lebih berdaya tahan.

Hadirin sekalian,

8. Program pada tahun ini membawa satu nafas baharu apabila ia dinaik taraf sebagai Program Sekolah Hijau dengan pengenalan Sistem Penarafan Bintang. Pendekatan ini bukan sekadar pertandingan untuk merebut pengiktirafan, tetapi merupakan satu ekosistem pendidikan hijau yang lebih menyeluruh, progresif dan berimpak tinggi.
9. Penilaian program ini turut memberi fokus kepada pelbagai aspek penting termasuk kecekapan penggunaan sumber asli, pengurusan sisa, penjimatan tenaga elektrik, pemuliharaan air, inovasi dan keusahawanan hijau, penghijauan kawasan sekolah serta penglibatan komuniti dan digital.
10. Apa yang lebih penting, program ini bukan sekadar bertujuan mewujudkan sekolah yang bersih dan hijau, tetapi juga berusaha melahirkan warga sekolah yang mempunyai pemikiran hijau, gaya hidup lestari dan sikap yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.
11. Kita ingin melihat pelajar-pelajar di Seberang Perai menjadi generasi yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap penjagaan alam sekitar; generasi yang bertindak menjaga kebersihan, mengamalkan penjimatan sumber serta menjadi agen perubahan dalam membentuk masa depan yang lebih lestari.

12. Inilah nilai sebenar yang ingin kita lahirkan; bukan sekadar sekolah yang hijau persekitarannya, tetapi generasi yang hijau pemikirannya, tinggi kesedarannya dan besar tanggungjawabnya terhadap masa depan bumi.

Hadirin yang saya hormati,

13. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Penang Green Council yang sentiasa memainkan peranan penting dalam memberikan bimbingan, pendidikan dan kesedaran berkaitan pembangunan lestari kepada masyarakat, khususnya institusi pendidikan di negeri Pulau Pinang.

14. Sesungguhnya kejayaan program ini tidak akan dapat dicapai tanpa semangat kolaborasi strategik antara pihak kerajaan tempatan, sektor swasta, badan bukan kerajaan, pihak sekolah dan komuniti.

15. Saya percaya, apabila semua pihak bergerak seiring, maka impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon, pintar dan berdaya huni akan menjadi satu realiti yang boleh kita banggakan bersama.

16. Selaras dengan aspirasi “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar”, MBSP akan terus komited memperkasakan agenda kelestarian alam sekitar melalui pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat dan generasi akan datang.

17. Saya berharap program ini akan menjadi pencetus kepada lebih banyak inovasi hijau dalam kalangan sekolah. Jadikan sekolah sebagai makmal perubahan; tempat lahirnya idea-idea besar untuk memelihara bumi. Beranilah mencuba teknologi baharu, pendekatan kreatif dan budaya hidup lestari demi masa depan yang lebih mampan.
18. Kepada para guru, teruslah menjadi inspirasi dan pencetus kesedaran kepada anak-anak kita. Kepada para pelajar pula, saya ingin berpesan bahawa masa depan bumi ini berada di tangan anda semua. Jadilah generasi yang bukan sahaja bijak menggunakan teknologi, tetapi juga bijak menjaga alam sekitar.
19. Saya amat yakin, jika usaha ini diteruskan secara konsisten dan menyeluruh, Seberang Perai bukan sahaja mampu menjadi contoh bandar hijau di Malaysia, malah boleh muncul sebagai model bandar mampan yang dihormati di peringkat antarabangsa.
20. Akhir kata, dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya melancarkan **Anugerah Sekolah Hijau 2026 Peringkat Seberang Perai.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***